

# Ibu tunggal gigih cari rezeki sara keluarga

Oleh: Nur Hazirah Rosali, 1180214

TAIPING: Seorang ibu tunggal, Azizah Zainal, 58, terpaksa melakukan beberapa pekerjaan dalam satu-satu masa untuk mencari rezeki apabila dia perlu menyara empat orang anaknya yang OKU selepas kematian suaminya akibat penyakit kronik pada 10 November yang lalu.

Azizah Zainal, dari Kampung Pak Darus, menjadi ibu tunggal kepada empat orang anak yang berusia 16 hingga 21 tahun sejak November lalu, selepas suaminya meninggal dunia akibat kegagalan buah pinggang.



**Rumah yang menjadi penginapan Puan Azizah  
sekeluarga**



**Azizah Zainal**

Menurutnya, empat orang anaknya terdiri daripada golongan anak 'istimewa' kerana mempunyai masalah kesihatan iaitu 'disleksia' yang membawa maksud kesukaran dalam pemahaman yang tepat walaupun memiliki kecerdasan yang normal.

Bagi menampung kehidupan, beliau bekerja di kilang pemprosesan ayam pada sebelah pagi dan juga menyediakan perkhidmatan membersihkan rumah-rumah jiran pada sebelah petang, dengan pendapatan sekitar RM20 hingga RM50 sehari.

Hasil yang diperolehi digunakan secara berjimat cermat untuk menyara anak OKU, Mohd Syafiq Yusof, 21, Mohd Firdaus Yusof, 20, Mohd Anuar Yusof, 19, dan Siti Aisyah Yusof, 16.

Sebelum ini, katanya, bantuan bernilai RM300 beserta bekalan keperluan seharian, ditulis atas nama suaminya, Mohd Yusof Rosdi, 59, bagi kategori pesakit kronik terlantar yang disumbangkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Tambahnya lagi, anaknya membuat permohonan sendiri secara dalam talian bagi mendapat bantuan di bawah kategori OKU yang tidak berupaya bekerja bernilai RM150 sebulan.

“Ketika suami saya terlantar sakit di rumah akibat penyakit empat serangkai iaitu buah pinggang, jantung, darah tinggi dan juga kencing manis, beliau hanya bergantung kepada penggunaan lampin pakai buang oleh kerana penyakitnya yang menjejaskan pergerakan beliau,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika kunjungan daripada wakil pegawai Lembaga Air Perak, Rosali Ismail, 60, di rumahnya, di sini, pada Rabu yang lalu.

Dalam kunjungan itu, Rosali Ismail menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan dapur dan juga harian seperti beras, sardin, gula, garam, lampin pakai buang dan sebagainya kepada keluarga tersebut.

“Pada masa ini, saya terpaksa berada di rumah memandangkan saya masih dalam tempoh iddah, jadi dengan adanya bantuan dari segi barang keperluan ini dapat meringankan beban saya sekeluarga,” katanya.

“Alhamdulillah, saya berterima kasih kepada pihak JKMM dan juga wakil daripada Lembaga Air Perak (LAP) yang membantu saya dan keluarga, walaupun sumbangan bulanan itu masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan kami sekeluarga,” katanya lagi.